

MUSA: AKTA PERTUBUHAN AKAN DIGANTI

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa — Kerajaan akan menggubal satu Rang Undang-undang baru bagi menggantikan Akta Pertubuhan 1966, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam.

Katanya, Rang Undang-undang tersebut yang merangkumi beberapa aspek baru pertubuhan akan dibentangkan di persidangan Dewan Rakyat Mac depan.

"Keputusan itu diambil kerana Kerajaan mendapati beberapa aspek dalam Akta yang sedia ada tidak begitu 'liberal,'" tegasnya.

Datuk Musa merangkap Menteri Dalam Negeri memberitahu demikian selepas mempergunakan perjumpaan dengan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasio-

Rang Undang2 baru sedang digubal

nal untuk membincangkan pindaan ke atas Akta Pertubuhan, Kanun Keseksaan dan Kanun Aturcara Jenayah sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Menurutnya, adalah hasrat Kerajaan bersikap 'liberal' dan Rang Undang-undang Pindaan Akta Pertubuhan itu ditarik balik kerana "kita tidak berpuas hati dengan beberapa peruntukan yang masih tidak begitu 'liberal,'" ujarnya.

Beliau berkata, Kerajaan akan meneliti Akta Pertubuhan itu dengan mengambil kira maklumbalas yang diterima dari

orang ramai termasuk pertubuhan politik seperti Pergerakan Pemuda dan Wanita.

"Tetapi ada beberapa persoalan yang kita tidak dapat bertolak ansur," tegas Datuk Musa.

Meminda

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri tidak mengulas lebih lanjut aspek apakah yang Kerajaan tidak boleh bertolak ansur.

Rang Undang-undang meminda beberapa peruntukan Akta Pertubuhan tidak akan dibentangkan dalam persidangan Dewan Rakyat sekarang.

Kerajaan memutuskan menarik balik Rang Undang-undang itu apabila dibaca kali kedua di Dewan Rakyat esok.

Beliau berkata, keputusan menarik balik Rang Undang-undang itu bukan bermakna memberi kemenangan kepada mana-mana pihak kerana memang dasar Kerajaan hendak memperbalik Rang Undang-undang tersebut.

"Penarikan balik itu juga tidak bermakna Kerajaan hendak mengesalkan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981 yang ada. Ia bertujuan memperbalik undang-undang mengenai pertubuhan-pertubuhan," jelasnya.

Datuk Musa menegaskan, langkah ini haruslah dianggap sebagai satu kekuatan bukan kelemahan di pihak Kerajaan.

Pandangan

Menurut beliau, setelah menerima pandangan dan maklumbalas dari orang ramai yang menganggap Rang Undang-undang itu sebagai tidak 'liberal', Kerajaan telah mempertimbangkan untuk menarik balik Rang Undang-undang itu.

Kedaaan negara ini, jelasnya, jauh berbeza dibandingkan sejak Akta tersebut dikuatkuasakan dalam tahun 1966 dan adalah wajar peruntukan-peruntukannya diubahsuai mengikut masa dan keadaan.

Akta Pertubuhan tersebut adalah penyatuan kepada Ordinan Pertubuhan 1949 bagi Negeri-Negeri Melayu, Ordinan Pertubuhan 1957 bagi Negeri Sarawak dan Pertubuhan Ordinan 1961 bagi Negeri Sabah.

Akta tersebut bertujuan membendung dan menghalang gerakan pertubuhan kongsi-kongsi gelap kerana gerakan itu bertentangan dengan kenteraman awam, akhlak dan keselamatan dalam negeri. Oleh itu Akta itu memerlukan supaya setiap pertubuhan didaftarkan.